

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2014

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama semua syarikat-syarikat yang mana 1MDB telah melabur menggunakan dana yang dianggarkan USD\$2.3 bilion yang disimpan di Pulau Cayman dan pelaburan itu diuruskan oleh Bridge Partners Hong Kong, bagi tempoh kewangan 1 Januari 2010 hingga 30 September 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang dilaporkan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013. Bermula dari 12 September 2012, pelaburan yang berjumlah USD\$2.318 bilion adalah terdiri daripada berbagai kelas saham yang mengambil bahagian di dalam segregated portfolio company yang berdaftar di Kepulauan Cayman. Pihak pengurusan telah mengambil langkah untuk mengkaji semula, menilai dan mengagihkan semula pelaburannya apabila difikirkan sesuai.

IMDB memastikan fi dan perbelanjaan adalah dinyatakan dengan betul di dalam penyata kewangan yang telah diaudit. Apa-apa maklumat lain yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah milik persendirian (*propriety*) syarikat.